



SPECTRUM

MSAE

ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN



SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 01/2017

KONVENSYEN KEBANGSAAN JURUTERA PERTANIAN MALAYSIA 2017

Konvensyen Kebangsaan Jurutera Pertanian Malaysia 2017 telah diadakan pada 6 April 2017 bertempat di Fakulti Kejuruteraan, UPM. Ini merupakan konvensyen kedua yang dianjurkan oleh MSAE. YBhg. Dato' Seri Ismail bin Haji Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah merasmikan Konvensyen dan Mesyuarat Agong ke-34. Konvensyen ini dihadiri oleh 150 orang ahli MSAE dari pelbagai industri seperti UPM, Jabatan Pertanian, Politeknik Kota Bharu, Lembaga Pertubuhan Peladang, MADA, KADA, UNIMAP, UTM, Sime Darby, Mardi, KPDNKK, KULIM,




Gambar 1: (a) YBhg. Dato' Seri Ismail memberikan ucapan pada majlis perasmian dan (b) Lawatan ke Pameran Agro-Technology oleh YBhg. Dato Seri Ismail

Sempena dengan konvensyen ini, MSAE telah menyerahkan "Resolusi dari Mesyuarat Agong Tahunan ke-33 Persatuan Jurutera Pertanian Malaysia 2016" kepada YBhg. Dato' Seri ismail.



Gambar 2: Penyerahan Resolusi kepada YBhg. Dato Seri Ismail oleh Presiden MSAE

Sejurus selepas itu, penyerahan Pra-Tandatangan Memorandum Persefahaman antara MSAE dan Syarikat IPMA Industry Sdn Bhd yang merupakan syarikat memproses beras dari Jitra Kedah.



Gambar 3: Pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU) antara MSAE dan Syarikat IPMA Industry Sdn Bhd

Selepas majlis perasmian, YBhg. Dato' Seri Ismail telah melawat Pameran Agro-Tech tentang beberapa teknologi yang telah dibangunkan oleh Jurutera Pertanian.

Sesi fotografi bersama YBhg. Dato Seri Ismail dan Exco MSAE turut juga diadakan di Mercu Tanda Tapak Kelahiran Kejuruteraan Pertanian (Mercu Tanda AE) yang telah dibina sempena kurikulum Kejuruteraan Pertanian (AE) yang pertama di Malaysia telah ditawarkan di Fakulti Kejuruteraan UPM sejak tahun 1975 lagi sehinggalah sekarang. YBhg. Dato Seri Ismail juga telah dibawa ke Mercu Tanda Kelahiran MSAE (Mercu Tanda MSAE) tahun 1982 di Fakulti Kejuruteraan, UPM. Perasmian Mercu Tanda AE dan MSAE ini telah dilakukan pada 23 Mac 2016 oleh Naib Canselor UPM iaitu Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris.



Gambar 4: Sesi fotografi di Mercu Tanda AE bersama YBhg. Dato' Seri Ismail dan Exco MSAE sesi 2015-2017



Gambar 5: Exco MSAE sesi 2015-2017 bergambar bersama YBhg. Dato' Seri Ismail di Mercu Tanda Kelahiran MSAE

Seterusnya Bengkel strategik dan Pelan Tindakan yang dipengerusi oleh Prof. Madya Ir. Dr. Azmi Dato' Yahya dari Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian, UPM dan juga merupakan penasihat kepada Exco MSAE sesi 2015-2017. Diantara intipati yang dibincangkan adalah untuk membincangkan draf memorandum untuk memperkasa profesyen Jurutera Pertanian.

Pada sesi petang, konvensyen diteruskan dengan Mesyuarat Agung ke-34. Mesyuarat Agung dipengerusi oleh Prof. Madya Dr. Rosnah, Presiden MSAE. Pembentangan laporan aktiviti oleh Dr Ahmad Fikri, Timbalan Presiden MSAE (Pentadbiran) dan laporan kewangan oleh Dr Muhamad Saufi, Bendahari MSAE



Gambar 6: Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-34 yang dipengerusi oleh Presiden MSAE sesi 2015-2017



Gambar 7: Semangat dan sokongan Ahli-ahli MSAE dengan kehadiran yang amat membanggakan

SENARAI EXCO MSAE SESI 2017-2019

PRESIDEN : Prof. Madya Dr. Rosnah Shamsudin (UPM)

TIMBALAN PRESIDEN (Teknikal): En. Ezrin Mohd. Husin (UPM)

TIMBALAN PRESIDEN (Pentadbiran):
Prof. Madya Dr. Hasfalina Che Man (UPM)

SETIAUSAHA EKSEKUTIF : Dr. Alifdalino Sulaiman (UPM)

BENDAHARI EKSEKUTIF : Ir. Dr. Mohammad Effendy Ya'acob (UPM)

EXCO :

1. Dr. Nurulhuda Khairudin (UPM)
2. Tuan Hj. Ahmad Puzi Abu Bakar (LPP)
3. En. Muhamad Hilmi Abdul Rabiki (DOA)
4. Pn. Rosnani Hassan (PKB)

JURUAUDIT DALAM :

1. Pn. Aeshah Ismail (Persara DOA)
2. En. Faizal Talib (LPP)